



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 4 Disember 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



KUNJUNGAN HORMAT... Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah menerima kunjungan hormat daripada syarikat Mamee Double Decker bagi memperkukuh kerjasama melalui Program Jualan Rahmah Madani dan Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia 2025, selain menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir di Kubang Pasu melalui Program Food Bank Malaysia.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

SARA RM100 kedua rancakkan perbelanjaan pengguna awal 2026

Perbelanjaan pengguna dijangka lebih rancak separuh pertama 2026, disokong permintaan musim perayaan yang kebanyakannya jatuh dalam tempoh itu.

Penganalisis CIMB Securities, Walter Aw Lik Hsin, berkata momentum ini turut diperkukuh dengan pemberian tunai sekali sahaja RM100 buat kali kedua di bawah Sumbangan Asas Rahmah (SARA) kepada semua warganegara dewasa pada Februari 2026.

"Lebih banyak peruncit sedang bersedia untuk merebut perbelanjaan yang didorong SARA," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Di bawah Belanjawan 2026, kerajaan mengekalkan peruntukan keseluruhan RM15 bilion bagi program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan SARA, sama

seperti tahun sebelumnya.

Namun, bahagian lebih besar daripada peruntukan itu dijangka disalurkan kepada program SARA yang menyediakan bantuan bulanan bersasar untuk barangan keperluan.

Peruntukan SARA dijangka meningkat kepada sekitar RM9.9 bilion pada 2026 berbanding RM5.1 bilion pada 2025, manakala peruntukan STR dijangka berkurangan kepada RM6.2 bilion berbanding RM8.5 bilion pada 2025.

Lik Hsin berkata, lonjakan perbelanjaan pengguna dijangka meningkatkan jualan barangan keperluan, namun peruncit, terutama yang beroperasi di pusat beli-belah seperti Bonia, YOCB, Padini, Mynews, Berjaya Food, Aeon dan MR DIY dijangka terus berdepan tekanan margin aki-

bat kenaikan kos input dan kos buruh serta pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) lapan peratus ke atas perkhidmatan pajakan.

"Bagi mengurangkan tekanan ini, peruncit dijangka memberi tumpuan kepada kecekapan kos, kawalan operasi lebih ketat serta pelaksanaan kenaikan harga secara terpilih, selain mendapat sedikit kelegaan daripada pengukuhan ringgit berbanding renminbi yang membantu peruncit bergantung kepada import," katanya.

Dalam kalangan saham yang diliputi oleh CIMB Securities, 99 Speedmart, MR DIY, Mynews dan 7-Eleven dijangka menjadi penerima manfaat utama SARA, sejajar dengan permintaan pengguna yang semakin fokus kepada nilai dan barangan mampu milik.



Buat masa ini, 99 Speedmart mempunyai lebih 2,000 kedai tersebar dalam jualan SARA, MR DIY (20 kedai), Mynews (30 kedai Supersave), manakala 7-Eleven sedang memohon.

Bagi musim laporan suku kewangan berakhir 30 September 2025, saham 99 Speedmart dan Farm Fresh mengatasi jangkaan CIMB Securities.

99 Speedmart memperoleh manfaat daripada pertumbuhan

hasil yang disokong program bantuan kerajaan, manakala pelancaran produk baharu Farm Fresh meningkatkan jualan serta kecekapan operasi.

Selalunya, tiga syarikat lain mencatat prestasi di bawah jangkaan disebabkan hasil lebih lemah daripada dijangka iaitu Bonia serta kos operasi yang tinggi membabitkan Aeon dan 7-Eleven, sekali gus mengehadkan keuntungan.

Petrol seized, 2 held in Semporna

Azmie Lim

SEMPORNA: The Kunak 22nd Battalion General Operations Force (GOF) seized a total of 2,200 litres of petrol in Ops Taring Esscom and Taring Bravo 1 off north Pulau Matakang.

The Kunak GOF, in a statement, said a team carried out an integrated operation in the area last Saturday following intelligence gathering and spotted a suspicious speedboat.

During inspection, another suspicious boat operated by a local man nearby was detected.

Both skippers were detained and all the seizures, worth an estimated RM41,830 were handed over to the Semporna Ministry of Domestic Trade and Cost of Living for further action.

The case is being investigated under Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961.

PGA Kunak rampas 2,200 liter petrol di Pulau Matak

Azmie Lim

SEMPORNA: Batalion 22 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kunak merampas 2,200 liter petrol dalam Op Taring Esscom dan Op Taring Bravo 1 di perairan utara Pulau Matak-ing pada Sabtu.

PGA Kunak dalam kenyataan berkata pasukan itu menjalankan operasi bersepadu di kawasan terbabit berdasarkan maklumat risikan dan mengesan sebuah bot laju dalam keadaan mencurigakan.

Semasa pemeriksaan ke atas bot itu, pasukan turut menemui sebuah lagi bot mencurigakan berdekatan yang dikendalikan oleh seorang lelaki tempatan.

Hasil pemeriksaan terhadap kedua-dua bot menemukan 88 tong putih yang masing-masing berisi 25 liter petrol. Pasukan

turut merampas dua enjin, dua kipas propeller dan dua bot laju.

Berdasarkan maklumat awal, semua rampasan bernilai kira-kira RM41,830 itu dipercayai digunakan untuk kegiatan penyeludupan ke negara jiran.

Kedua-dua juragan bot ditahan dan semua rampasan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Semporna untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sementara itu, PGA Kunak akan terus memperhebatkan risikan dan komited membanteras kegiatan penyeludupan serta aktiviti pelanggaran undang-undang di Esszone bagi memastikan keselamatan dan integriti perairan Sabah terus terjamin.



BOT yang ditahan dalam operasi itu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 4 DISEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-Dec	Program Jualan Rahmah Madani diperluas ke semua Parlimen dan DUN	https://thesun.my/berita/tempatan/program-jualan-rahmah-madani-parlimen/	THE SUN
4-Dec	Peluasan Program Jualan Rahmah MADANI Bukti Komitmen Kerajaan Bela Rakyat	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2498235	BERNAMA
4-Dec	Rahmah MADANI Sales Expansion Shows Govt's Commitment To Supporting The People	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2498236	BERNAMA
4-Dec	KPDN KL rampas 745 unit beg jenama terkenal disyaki tiruan di Lorong Haji Taib	https://utusanv.com/2025/12/03/kpdn-kl-rampas-745-unit-beg-jenama-terkenal-disyaki-tiruan-di-lorong-haji-taib/	UTUSAN
4-Dec	Bank tawar 'goodwill discounts' bagi penyelesaian awal perjanjian sewa beli	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/12/1295438/bank-tawar-goodwill-discounts-bagi-penyelesaian-awal-perjanjian-sewa-beli	HARIAN METRO
4-Dec	New incentive to pay off loans early	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/03/new-incentive-to-pay-off-loans-early	THE STAR
4-Dec	Banks to offer early settlement discounts following hire-purchase reform	https://themalaysianreserve.com/2025/12/02/banks-to-offer-early-settlement-discounts-following-hire-purchase-reform/	THE MALAYSIA RESERVE
4-Dec	"Rancakkan Madani" Programme Targets 300,000 Visitors	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2498619	BERNAMA
4-Dec	Rancakkan Madani: Himpunan reformasi, TVET, ASEAN dan jualan dalam satu acara mega	https://malaysiagazette.com/2025/12/03/rancakkan-madani-himpunan-reformasi-tvet-asean-dan-jualan-dalam-satu-acara-mega/	MALAYSIA GAZETTE